

# Ucapan Presiden komprehensif

UM 24 SEP 2004

KUALA LUMPUR 23 Sept. — Tun Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan ucapan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada Perhimpunan Agung UMNO hari ini sebagai komprehensif kerana banyak memberikan tumpuan kepada nasib dan masa depan orang Melayu.

Beliau berkata, kebanyakan perkara yang dibangkitkan oleh Presiden UMNO itu menepati semua perkara yang diperlukan oleh kaum Melayu.

Sehubungan itu, bekas Presiden UMNO itu menggesa agar ucapan Abdullah itu dihayati orang Melayu supaya dapat menyuntik semangat di dalam diri mereka untuk terus bersaing dengan kaum dan bangsa lain.

“Ucapan beliau sangat komprehensif dan menepati semua perkara kerana banyak tumpuan kepada masalah orang Melayu dan keperluan mereka supaya

sanggup bersaing,” katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau memberikan reaksi demikian ketika diminta mengulas ucapan penggantian itu pada Perhimpunan Agung UMNO kali ke-55, di sini hari ini.

## Membangkitkan

Dalam ucapan tersebut, Abdullah membangkitkan beberapa isu terutamanya mengenai masa depan kaum Melayu.

Dr. Mahathir yang berpakaian baju Melayu serba ungu kelihatan ceria ditemani isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah.

Beliau yang duduk di barisan paling hadapan bersama para pemimpin parti komponen lain kelihatan tekun mendengar ucapan sulung Abdullah sebagai Presiden parti kali ini.

Terdahulu, bekas Perdana Menteri itu

sentiasa melemparkan senyuman setiap kali 2,520 perwakilan yang berada di dalam Dewan Merdeka memberikan tepukan gemuruh apabila Pengerusi Tetap, Datuk Onn Ismail, menyebut nama beliau.

Para perwakilan juga tetap bersorak dan bertepuk tangan apabila Abdullah menyebut nama Dr. Mahathir ketika beliau menyampaikan ucapan.

Walaupun beliau tidak lagi duduk di atas pentas utama yang pernah didudukinya selama 22 tahun, Dr. Mahathir tetap disanjung oleh ahli-ahli parti berdasarkan reaksi yang ditunjukkan oleh mereka di dalam dan di luar dewan.

Orang ramai yang turut mengikuti ucapan Abdullah menerusi skrin di luar dewan juga memberikan reaksi serupa — bertepuk tangan apabila nama Dr. Mahathir disebut.